

TARIKH : 13 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 20
SURAT

Ekonomi suku kedua dijangka lebih perlahan

Bisnes

Rabu,
13 Ogos 2025
bhbiz@nstp.com.my



Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Ekonomi suku kedua dijangka lebih perlahan



Pertumbuhan diunjur sekitar 4.3 peratus, bawah anggaran awal DOSM 4.5 peratus

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka perlahan sekitar 4.3 peratus pada suku kedua 2025, di bawah anggaran awal Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebanyak 4.5 peratus, demikian menurut penganalisis.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata berdasarkan data yang ada, pihaknya menjangkakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi suku kedua tahun ini perlahan kepada 4.3 peratus. Beliau berkata, boleh dikatakan perangkaan menunjukkan

momentum yang perlahan seperti kerja pembinaan menyederhana 12.9 peratus pada suku kedua berbanding 16.6 peratus pada suku pertama, manakala Indeks Pengeksporan Perindustrian berkembang 2.0 peratus berbanding 2.3 peratus suku sebelumnya.

"Berdasarkan data yang ada, KDNK dijangka perlahan pada paras 4.3 peratus. Boleh dikatakan data menunjukkan momentum yang perlahan," katanya kepada BH.

Bank Negara Malaysia (BNM) dan DOSM dijadualkan mengumumkan prestasi ekonomi negara bagi suku kedua 2025 pada Jumaat ini.

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.4 peratus pada suku pertama 2025.

BNM baru-baru ini turut mengumumkan semakan semula unjuran pertumbuhan KDNK bagi 2025 kepada 4.0 hingga 4.8 peratus berbanding 4.5 hingga 5.5 peratus sebelumnya.

Menurut BNM, unjuran itu mengambil kira pelbagai senario tarif, termasuk kemungkinan berkuatkuasanya perjanjian perdagangan bebas serta hasil rundingan perdagangan yang lebih positif.

Ketua Penyelidikan Pelaburan UOB Kay Hian Wealth Advisors Sdn Bhd, Mohd Sedek Jantan, turut menjangkakan KDNK Malaysia bagi suku kedua tahun ini akan berada dalam lingkungan 4.3 peratus hingga 4.5 peratus.

Beliau berkata, data eksport antara yang mungkin menyebabkan unjuran KDNK berkemungkinan menurun.

Data eksport meningkat

Katanya, data eksport pada April menunjukkan peningkatan sebanyak 22.2 peratus berbanding bulan sebelumnya, namun peningkatan eksport berkurang sebanyak 5.2 peratus pada Mei berbanding April, dan berkurang

lagi sebanyak 3.9 peratus pada Jun berbanding Mei.

Namun, menurutnya, data Indeks Pengurusan Pembelian (PMI) Malaysia menunjukkan trend peningkatan pada Mei dan Jun walaupun tidak melepasi paras 50.

"Data PMI mengambil kira empat aspek, namun tiga aspek iaitu tempahan baharu, jumlah pengeluaran dan nilai inventori menunjukkan penurunan berbanding data pekerjaan yang menunjukkan peningkatan.

"Penggunaan swasta mungkin boleh perlahan kesan ini. Bagaimanapun, Impak Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) mungkin menyebabkan kesan sangat ren-

dah," katanya.

HLIB Research turut membuat semakan semula unjuran KDNK negara bagi suku kedua 2025 kepada 4.3 peratus, di bawah anggaran awal DOSM dan unjuran median konsensus sebanyak 4.5 peratus.

Ia berkata, pertumbuhan dijangka disokong oleh pemulihan dalam bidang pertanian sektor, serta pengembangan berterusan dalam perkhidmatan, pembuatan dan sektor pembinaan.

"Buat masa ini, kami mengesahkan unjuran pertumbuhan KDNK kami bagi tahun ini pada 4.0 peratus, sementara menunggu keputusan penuh KDNK suku kedua 2025 keluar," katanya.

Sementara itu, Maybank Investment Bank (Maybank IB) mengunjurkan KDNK Malaysia bagi suku kedua 2025 pada kadar 4.3 peratus.

Menurutnya, unjuran itu mencerminkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan, prestasi sektor pembuatan dan pertanian yang lebih kukuh serta penguncupan yang lebih kecil bagi sektor perlombongan.

Berdasarkan data yang ada, KDNK dijangka perlahan pada paras 4.3 peratus. Boleh dikatakan data menunjukkan momentum yang perlahan

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ahli Ekonomi Bank
Muamalat Malaysia Bhd

